

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Bahagian Pencen,
Bangunan Oriental Plaza, Ting. II & 12,
Jalan Parry,
Kuala Lumpur.

24hb. Julai, 1973.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.19 TAHUN 1973

Tuan,

**Kelambatan Kertas-kertas persaraan dan pembayaran pencen, elaun persaraan
atau ganjaran kepada pegawai-pegawai yang bersara**

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.25/1972](#) di mana Jabatan ini telah menegaskan pandangan berat di atas kelambatan-kelambatan yang berlaku dalam menyelenggarakan kertas-kertas persaraan dan pembayaran pencen atau ganjaran kepada pegawai-pegawai yang bersara.

2. Sungguhpun langkah-langkah yang tertentu telah dilakukan tetapi Jabatan ini merasa bahawa kelambatan masih lagi terus berlaku. Justeru itu, sebagai suatu langkah lanjutan dan berkesan dalam usaha untuk mengelakkan kelambatan-kelambatan ini daripada terus berpanjangan maka sukacita jika dapat tuan mengumpul dan mengemukakan senarai pegawai-pegawai bagi semua peringkat dari Buruh Kasar hinggalah keperingkat atasan yang dijangkakan akan bersara pada tahun-tahun 1974 dan 1975 yang akan datang.

3. Maklumat-maklumat yang dikehendaki mengenai pegawai-pegawai yang akan bersara itu adalah seperti di bawah:-

- (i) Nama dan Nombor Kad Pengenalan Pegawai;
- (ii) Tarikh Lahir;
- (iii) Tarikh bersara;
- (iv) Jawatan dan Bahagian;
- (v) Jabatan-Kementerian; dan
- (vi) Alamat selepas bersara (untuk dihubungi jika perlu).

4. Untuk memudahkan lagi tindakan-tindakan yang harus dilakukan oleh Jabatan ini, tuan-tuan adalah diminta supaya mengemukakan senarai-senarai yang diperlukan dalam dua salinan (in duplicate). Disediakan berasingan mengikut Kementerian atau Jabatan masing-masing dan juga berdasarkan tahun-tahun tertentu (1974 dan 1975), tiap-tiap senarai hendaklah ditarikhkan dan ditandatangani oleh pihak-pihak berkenaan.

5. Sayugia diingatkan bahawa usaha-usaha ini tidak akan memberi hasil yang berkesan tanpa sumbangan dan kerjasama dari tuan. Dengan demikian dan memandangkan peri mustahaknya senarai-senarai tersebut dalam langkah untuk mengelakkan kelambatan dalam menyediakan kertas-kertas persaraan dan pembayaran elaun persaraan atau ganjaran, maka sangatlah diharapkan agar dapat tuan melakukan tindakan segera dan kemukakan senarai-senarai itu ke Jabatan ini selewat-lewatnya pada 31hb. Oktober, 1973.

Saya yang menurut perintah,

(S. VELLO)
Bahagian Pencen,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha/Setiausaha Kementerian
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.
Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.